



12 JUN, 2026

## Kos syarikat kapal dijangka meningkat sehingga 20peratus

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Jika Selat Hormuz terus ditutup akibat konflik AS-Iran

# Kos syarikat kapal dijangka meningkat sehingga 20%

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI  
 hafiz.yusoff@media.mulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kos operasi syarikat perkapalan dijangka terus meningkat sehingga 20 peratus sekiranya konflik antara Iran dan Amerika Syarikat (AS) berlarutan, dengan penutupan Selat Hormuz dalam tempoh yang panjang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Orkim Berhad, Kapten Cheah Sin Bi berkata, peningkatan itu didorong kenaikan kos insurans, harga bahan api serta gangguan operasi akibat ketidaktentuan laluan perkapalan utama di perairan antarabangsa.

Katanya, tekanan geopolitik di Asia Barat termasuk penutupan Selat Hormuz sekali gus memberi tekanan kepada industri perkapalan, khususnya dari segi kos operasi dan jadual penghantaran yang semakin tidak stabil.

"Kapal terpaksa mengalihkan laluan yang berisiko rendah. Lencongan geografi ini menambah masa perjalanan dan meningkatkan kos minyak kapal. Malah, ia meningkatkan kadar perkhidmatan kargo laut yang agak ketara.

"Lagipun, kos operasi kapal pada masa sekarang telah

pun meningkat kepada lapan sehingga 15 peratus. Justeru jika keadaan berlarutan (konflik dan penutupan Selat Hormuz), ia pasti membebankan. Tambahan pula, kos-kos ini akan dipindahkan kepada pengguna nanti," katanya semalam.

Iran sebelum ini mengumumkan penutupan sepenuhnya Selat Hormuz kepada semua kapal, termasuk kapal tangki minyak dan dagang selepas AS melancarkan serangan baharu terhadap beberapa sasaran di negara itu.

Keputusan berkenaan dibuat berikutan pencerobohan dan serangan AS baru-baru ini ke atas kawasan di wilayah Hormozgan selatan Iran.

Menurut Sin Bi lagi, konflik Iran secara asasnya telah menyusun semula corak perdagangan global dengan mengganggu aliran tenaga dan rangkaian bekalan termasuk laluan perkapalan maritim yang disusun semula (*re-routing*).

"Pihak kami telah memutuskan untuk mengelak laluan berisiko tinggi sejak bermulanya perang di Teluk Parsi dan memfokuskan operasi kapal tangki petroleum bersih (CPP) dan gas petroleum cecair (LPG) di laluan domestik dan intra-serantau Asia, sep-

erti Malaysia, Singapura, dan koridor bebas konflik.

"Ini melindungi armada daripada ketidaktentuan geopolitik dan menjamin kontrak jangka panjang yang stabil," katanya.

Dalam perkembangan lain Pengerusi Persatuan Pemilik Kapal (MASA), Mohamed Safwan Othman berkata, kerajaan Malaysia di gesa menjadikan krisis ini sebagai peluang bagi meningkatkan industri perkapalan Malaysia yang kini berada di kedudukan keempat dalam kalangan negara Asia Tenggara, berbanding tempat kedua sebelum itu.

"Ini terbukti selepas jumlah kapal dagang lebih banyak di negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Vietnam.

"Malah, sebanyak RM30 bilion kos perkhidmatan kargo laut dibayar kepada syarikat perkapalan asing berbanding hanya kira-kira RM3 bilion kepada syarikat perkapalan Malaysia dalam tempoh lima tahun sejak 2019 sehingga 2024.

Tambahnya lagi, jurang tersebut menunjukkan kebergantungan tinggi perkhidmatan kargo laut kepada syarikat kapal luar negara walaupun Malaysia berpotensi tinggi menjana pendapatan dalam industri pengangkutan maritim.



**Kapal terpaksa mengalihkan laluan yang berisiko rendah. Lencongan geografi ini menambah masa perjalanan dan meningkatkan kos minyak kapal."**

CHEAH SIN BI



12 JUN, 2026

## Kos syarikat kapal dijangka meningkat sehingga 20peratus

Utusan Malaysia, Malaysia

### SUMMARIES

Jika Selat Hormuz terus ditutup akibat konflik AS-Iran  
Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI hafzyusof@mecia.mulia.commy  
PETALING JAYA: Kos operasi syarikat perkapalan dijangka terus meningkat sehingga 20 peratus sekiranya konflik antara Iran dan Amerika Syarikat (AS) berlarutan, dengan penutupan Selat Hormuz dalam tempoh yang panjang.